

102

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10662

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa kes kematian arwah Anisah Binti Ali dan Arwah Azri Mohamed belum dimulakan proses inkues.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

PDRM masih menjalankan siasatan berkaitan kes kematian Anisa Bt Ali berkait Pasir Mas/004927/2016 bertarikh 07 Oktober 2016 di bawah Seksyen 304(A) Kanun Keseksaan. Laporan polis berkenaan merujuk kepada insiden kereta yang dinaiki oleh mangsa bersama pegawai kastam yang lain telah dihimpit dan dilanggar oleh kenderaan saspek dipercayai Tonto di Kampong Banggol Chicha, Pasir Mas, Kelantan sehingga terbabas dan melanggar pokok sehingga menyebabkan kematian kepada mangsa.

Hasil siasatan, pihak polis telah membuat tangkapan terhadap lima (5) saspek dan telah dibebaskan dengan jamin kerana tiada bukti kukuh untuk mengaitkan penglibatan mereka dalam kes ini.

Bagi kes Azri bin Mohamed, pihak polis masih menjalankan siasatan berhubung laporan polis PENGKALAN CHEPA/006306/16. Bedah siasat kedua telah diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu pada 27 September 2016 atas permintaan keluarga dan telah dijalankan pada 30 September 2016 jam 11.30 pagi di Jabatan Forensik Hospital Kuala Lumpur oleh Dr. Mohd Shah Mahmood. Hasil bedah siasat tersebut mendapati mangsa meninggal dunia disebabkan *Peritonitis Due To Perforated Colon Due To Pancolitis*. Kes-kes berkenaan masih menunggu arahan lanjut untuk inkues.

104

SOALAN (39)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]

SOALAN :-

YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan statistik kebakaran mengikut jajahan di Kelantan sepanjang tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Mengapakah Unit Motorsikal Gerak Cepat (RIM) Bomba yang dibeli jutaan ringgit, hanya tersadai di balai dan tidak digunakan dalam operasi memadam kebakaran.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), statistik kebakaran mengikut jajahan di Kelantan sepanjang tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

Statistik kebakaran mengikut jajahan di Kelantan sejak tahun 2015 sehingga tahun 2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

BIL.	JAJAHAN	2015		2016		2017		HINGGA MAC 2018	
		KK	KB	KK	KB	KK	KB	KK	KB
1.	KOTA BHARU	586	58	763	69	487	75	96	19
2.	TUMPAT	163	18	207	19	110	21	50	4
3.	PASIR MAS	202	16	263	7	121	18	28	4
4.	BACHOK	246	18	291	12	111	10	20	5
5.	MACHANG	144	15	144	11	49	19	4	3
6.	TANAH MERAH	119	4	155	5	80	11	9	0
7.	JELI	38	13	27	15	25	7	30	3
8.	KUALA KRAI	101	19	113	11	43	15	21	0
9.	PASIR PUTEH	183	4	166	3	91	5	18	1
10.	GUA MUSANG	130	9	137	12	39	10	14	0
JUMLAH		1,912	174	2,266	164	1,156	191	290	39

*KK : Keseluruhan Kebakaran (bangunan, kenderaan, hutan, belukar dan lain-lain)
 **KB: Kebakaran Bangunan (rumah kediaman, pejabat, pasaraya dan lain-lain)

106

Secara keseluruhannya kebakaran di negara ini terkawal dan bilangan kebakaran yang melibatkan bangunan adalah rendah. Ini kerana kesemua bangunan yang dibina di negara ini telah mematuhi ciri-ciri keselamatan kebakaran sebagaimana yang digariskan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang mana ianya juga menepati piawaian dan amalan keselamatan kebakaran antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Unit Motosikal Gerak Cepat (*Rapid Intervention Motorcycle - RIM*) merupakan pasukan yang diwujudkan di bandar-bandar utama bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan membolehkan pasukan bomba sampai dengan cepat ke lokasi kecemasan. Ia bertujuan untuk menangani insiden-insiden yang kecil dan bukanlah pasukan utama untuk menangani kebakaran atau insiden besar. Ini kerana pasukan ini hanya dilengkapi dengan peralatan menyelamat asas yang ringan sahaja. Selain daripada menghadiri kes kecemasan, ia juga digunakan bagi tujuan rondaan harian dan latihan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018